

Ratu

Rentak Aliran Terkini Untukmu




► Oleh Nor Afzan
Mohamad Yusof

afzan@bharian.com.my

BIH 31/1/12 MS 1

SUDAH ketandusan idea tangani anak nakal ketika yang meningkat usia remaja pula mementingkan diri sendiri sehingga mementingkan kepala? Pasti inilah perasaan ramai ibu bapa ketika diri dihambat komitmen kerjaya atau tugasan rumah yang tidak pernah ada noktahnya.

Tidak dinafikan, usaha mengurus kerenah anak-anak bukanlah suatu hal yang mudah. Bak kata pepatah, menarik rambut di dalam tepung, usaha mendidik si kecil mahupun yang remaja perlu ditangani secara berhemah. Apa tidaknya, selain mendidik, ibu bapa juga mahu menseimbangkan keadaan agar hubungan keluarga dalam keadaan harmoni.



Jaguh atau nojah?

Ibu bapa perlu tangani segera masalah,
jadikan diri idola di mata anak

Ibu bapa mungkin tindakan mereka selalu betul, sedangkan di mata anak, orang tuanya terlalu mengongkong. Lebih mengecewakan apabila anak-anak menurut kata orang tuanya atas alasan takut kerana mempunyai ibu bapa yang garang, bukannya dek rasa hormat. Perkara dilakukan secara terpaksa boleh mewujudkan rasa dendam dalam hatinya.

Pensyarah Jabatan Usuludin, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Norsaleha Mohd Salleh, berkata kerena anak termasuk degil, tidak menghormati ibu bapa, kurang minat belajar, pengaruh luar yang semakin mendominasi diri anak.

Keadaan menjadi parah sekiranya ibu bapa kurang memberikan masa berkualiti dan perhatian terhadap anak.

"Pada masa sama, semua situasi berkenaan menyebabkan wujudnya kelompangan jiwa, hati serta rasa terabai anak. Di sinilah pencetus kepada kecikiran dalam keluarga berlaku," katanya ketika berucap pada Konvensyen Keluarga Muslim, baru-baru ini.

Norsaleha yang juga Ketua Wanita Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA), menjelaskan pendidikan awal di rumah kepada anak mepelajari, mengetahui, membuat persepsi dan memahami pendidikan yang diberi ibu bapa sebagai persediaan awal kepada mereka, menjadi individu terbaik pada masa depan.



“ Ibu bapa perlu memberikan contoh terbaik yang dianggap sebagai pendidikan tidak formal yang amat berkesan. Ibu ibu bapa juga seharusnya bijak mengurus rumah tangga, mendekati anak-anak, berkomunikasi dengan mereka, pancaran kasih sayang yang diberi, meraikan mereka, menegur, menasihati, mendidik dan sentiasa merangsang anak ke arah kejayaan dan kecemerlangan”

Norsaleha Mohd Salleh
Pensyarah Kolej Universiti Islam
Antarabangsa Selangor

Utama pendidikan di rumah

BH 31/1/12 MS 2

“Bayangkan kalau anak tidak melalui proses kondusif, ia akan terbiar dibentuk oleh keadaan. Situasi itu tidak membantu memupuk proses pembesaran yang baik. Ini bakal membina tapak yang salah terhadap tabiat dan gelagat anak-anak,” katanya yang turut menjelaskan, selain menggilap bakat anak-anak, ibu bapa perlu memberi perhatian terhadap perkembangan fisiologi dan psikologi mereka.

Aliran pemikiran yang berkembang di kalangan generasi muda kini, tidak sama lagi macam dulu.

Budaya semakin tidak keruan, tumpuan terhadap faham benda dan faham hedonistik yang semakin menjadi-jadi, semakin pupusnya timbang rasa, kemanusiaan, etika dan akhlak dalam menentukan hala tuju hidup, gaya hidup yang tidak lagi senafas dengan acuan Islam adalah antara hambatan dan cabaran terhadap generasi muda kini.

“Kalau mereka tidak dipersiapkan kekuatan akal, rohaniah dan amalnya

dengan sesuatu yang tidak serasi dengan acuan serta syariat Islam, bayangkan corak generasi yang bakal kita hadapi dalam kepemimpinan masa depan. Saidina Ali berpesan, mengetahui corak masyarakat Islam hari depan lihatlah gelagat generasi mudanya pada hari ini.

“Saidina Uthman berpesan, “Didiklah generasi kamu dengan ilmu yang sesuai dengan zamannya”. Anak tidak saja harus dididik bagaimana diri harus diuruskan tetapi juga keunggulan diri mampu pula mengurus sistem,” katanya.

Dalam kerancakan ibu keluar bekerja, Norsaleha mengingatkan, setinggi manapun jawatan mereka, peranannya untuk mendidik anak-anak tidak boleh diabaikan atau diserahkan

kepada pihak lain.

“Ibu ‘ramuan’ membangunkan akal budi dan amal pekerti anak-anak. Kualiti keibuan dan roh keibuan perlu bersama dengan pendidikan anak-anak. Peranan itu tidak mampu diambil alih oleh pembantu rumah. Oleh itu, amat penting dicari titik keseimbangan bagaimana masa yang berkualiti dapat diberi kepada anak-anak sama ada hujung petang, sebelum tidurnya mereka, di hujung minggu, pada waktu cuti atau kelapangan yang lain.

“Kita harus berfikir anak mempunyai hak untuk bersama ibu bapa. Kalau ini dinafikan, jurang didikan dan hubungan akan berlaku dan ia membawa kepada keciciran anak-anak,” katanya.



Dr Sidek Baba

Bapa contoh kongsi kehebatan tokoh Islam, akhlak mulia



"BAPA adalah tonggak dan kejituan sesebuah keluarga. Kuatnya peribadi ayah, akan menyerlahkan keutuhan peribadi anak-anak dan begitulah sebaliknya."

Ringkas tapi berisi kata-kata dilon-tarkan Profesor Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Datuk Dr Sidek Baba.

"Dalam hal ini, Luqman al-Hakim menunjukkan contoh keperibadian seorang ayah. Melalui nasihatnya yang tidak akan pernah

terhenti dibaca oleh semua manusia.

"Menerusi surah Luqman, Allah SWT menceritakan perihal Luqman yang mengambil berat isu pendidikan anak-anaknya dan antara dititik beratkan ialah soal solat," katanya.

Selain mendekatkan diri kepada pendidikan agama, Dr Sidek turut menegaskan keperluan bapa untuk bercerita mengenai kisah-kisah peperangan, ketokohan dan kehebatan sahabat Nabi.

"Sejak kecil lagi, ibu-bapa perlu mendedahkan mengenai siri-siri peperangan pada zaman Rasulullah SAW, ketokohan dan kehebatan sahabat di medan perang, bagi menimbulkan rasa dan kagum anak kepada kepahlawanan umat Islam. Selain contoh, ia turut menjadi teladan kepada mereka untuk menjadi gagah, hebat dan berani juga pada suatu masa nanti.

"Saad bin Abi Waqas ketika ditanya cara beliau mendidik anak,

menjawab bahawa beliau mendidik anaknya dengan bercerita kisah kepahlawan sahabat di medan perang sebagaimana dia mengajar anaknya membaca al-Quran.

"Imam al-Ghazali dalam Ihya' Ulum al-Din menekankan betapa pentingnya ibu-bapa menanamkan nilai-nilai berani dan hebat dalam diri anak-anak dengan cerita dan kisah peperangan Rasulullah dan kalangan sahabat, kisah-kisah orang soleh dan hukum hakam keagamaan," katanya.

Mengulas lanjut, kata Dr Sidek, Ibnu Khaldun turut menceritakan mengenai suasana masyarakat Islam pada suatu masa dulu menekankan aspek hafalan al-Quran pada setiap anak-anak mereka sehingga mereka boleh menjadi hafiz sejak kecil lagi.

Hafalan al-Quran menjadi syiar yang jelas dalam usaha menyebarkan ajaran Islam pada zaman itu dan syarat utama dalam pemantapan dan pengukuhan akidah.

"Dikisahkan Fudhail bin Zaid memerhatikan akhlak dan tingkah laku seorang kanak-kanak, apabila ditanya pada ibu itu, bagaimana cara dia mendidik anaknya, ibu itu menceritakan dia menghantar anaknya mengikuti pengajian al-Quran ketika anaknya berusia lima tahun sehingga anak berkenaan berjaya menghafaz al-Quran.

"Kemudian diajarkan anak itu sastera yang mengandungi syair dan bahasa yang indah. Kemudian diajarkan anaknya kisah mengenai kehebatan bangsa agar anaknya berbangga dengan bangsa dan tanah airnya," katanya.

Tidak ketinggalan, katanya, turut diceritakan susur galur keturunannya, apabila meningkat remaja dihantar anaknya mengikuti kelas berburu, berkuda dan memanah sehingga anaknya menjadi berani dan dihormati oleh masyarakat sekitar.

Nilai kekeluargaan dalam Islam

■ Kalimah syahadah

Rasulullah SAW menekankan betapa penting kalimah syahadah diulang-ulang ajar kepada anak-anak sehinggalah kalimah itu menjadi sebat, dalam tubuh badan anak-anak. Sebab itulah amalan azan atau iqamah kepada bayi yang baru lahir menjadi sunnah kepada ibu bapa Muslim bagi memastikan pendengaran pertama bayi ialah kalimah syahadah. Ibu bapa juga hendaklah memperkenalkan kepada anak mengenai malaikat, nabi dan rasul, hari akhirat, qada' dan qadar serta halal dan haram dalam kehidupan sejak mereka kecil lagi. Sehingga sampai kepada satu tahap, anak-anak hanya mengakui Allah sebagai Tuhan mereka, Rasulullah sebagai ikutan, Islam sebagai agama dan al-Quran sebagai sumber dan petunjuk mereka.

■ Halal dan haram

Rasulullah SAW memerintahkan ibu bapa mengajar anak-anak mereka mentaati perintah Allah SWT dan menjauhi larangan supaya mereka terselamat dari seksaan api neraka. Kanak-kanak yang dibiasakan dengan didikan halal dan haram sejak kecil, menjadi lebih mudah mengikuti dan patuhi apabila dewasa kelak. Amalan membiasakan anak-anak dengan pengulangan demi pengulangan kepada suruhan dan perbuatan adalah seiring dengan teori pendidikan Barat sendiri yang menggalakkan kelaziman dalam memastikan sesuatu perbuatan itu diikuti dan dipatuhi.

■ Solat

Kenali, bentuk anak serba cemerlang

B/4 31/1/12 MS 3

SEJAUH manakah ibu bapa mengenali anak-anak? Apakah memadai sekadar tahu apa kesukaannya, makanan kegemarannya, hobi, jadual atau rutin hariannya dan sikapnya? Andai itulah yang diketahui, hakikatnya, ilmu keibubapaan anda masih cetek.

Terlalu banyak aspek yang perlu diketahui dan dihayati bagi memastikan anda bergelar ibu bapa terbilang. Namun, perkara asas yang harus diketahui adalah cara mengendalikan anak.

Malah, jika kerenah anak-anak tidak diraikan secara positif ada kemungkinan gelagat dan watak yang terbentuk berada dalam acuan negatif. Sekali asas negatif itu terbentuk, amat payah untuk meleraikannya semula.

Justeru, usaha mengenali dan membentuk diri anak haruslah bermula seawal mungkin. Berikut tahap mengenali anak serta menyerlahkan sikap ibu bapa idola yang harus dititikberatkan setiap pasangan suami isteri:

■ Dalam kandungan

Ketika dalam kandungan, bapa perlu pastikan isterinya mendapat makanan daripada sumber halal. Sensitif juga kerenah isteri kerana amat memberi makna yang cukup unik bagi yang hamil dan bayi dikandung.

■ Menjelang mummyiz

bertatih hinggalah berjalan ibu bapalah sumber kekuatan anak-anak. Ibu bapa yang memiliki rasa kasih sayang yang tinggi akan sentiasa menganggap bahawa anak-anak ibarat mutiara yang amat



GAMBAR HIASAN



Rasulullah SAW menekankan ibadah solat kepada anak-anak walaupun usia mereka baru setahun jagung. "Perintahkan anakmu mengerjakan solat ketika usia tujuh tahun dan pukullah mereka apabila mereka berusia 10 tahun". Kenapa solat menjadi satu keutamaan kepada pendidikan anak-anak? Solat adalah hubungan langsung dengan Allah SWT, ibadat khusus yang mengandungi nilai-nilai disiplin, ketaatan, kesyukuran, ketenangan, kepercayaan dan pergantungan diri kepada Allah SWT. Kesempurnaan ibadat solat memberi satu jaminan keselamatan dan kesejahteraan rohani, emosi dan mental anak.

■ Mendidik anak mencintai Rasulullah SAW, keluarga Baginda dan membaca al-Quran

Ibu bapa ditekankan mengajar perasaan cinta kepada Rasulullah serta menggalakkan mereka membaca al-Quran. Inilah antara amalan yang boleh menyelamatkan mereka di akhirat kelak.



Ibu adalah guru pertama si kecil. Bersama ibu anak merasa selamat, belajar meniarap, bertatih, bercakap, mengenal dan membeza sesuatu dengan pedoman ibunya.

■ Pada tahap akil baligh

Ibu bapa perlu dekati anak, fahami kerenahnya mereka. Harus diingati setiap anak berbeza, justeru, pendekatan mengenali mereka juga tidak sama.


■ Komunikasi

Ibu bapa boleh menjadi pendengar yang baik dan sentiasa merangsang supaya anak-anak berjaya dan cemerlang dalam diri dan cita-cita hari depannya. Dekati mereka dengan komunikasi berkesan.

■ Kasih sayang dan belas kasihan

Ibu bapa harus menjadi sumber rujukan anak-anak. Sejak lahir, merangkak,

bernilai. Ia digilap dengan kasih sayang, pekerti dan perangai sehingga terbina jati diri yang membanggakan keluarga. Anak-anak menjadi orang yang patuh dan taat malah kalau bertanya dan meminta sesuatu pun dengan adab yang baik. Ibu bapa juga harus ada rasa belas kasihan terhadap anak-anak. Bayangkan kalau anak-anak itu terbiar, masa berkualiti tidak diberikan kepadanya, contoh teladan tidak ada di rumah, pengaruh sekitar akan lebih membentuk watak dan kerenah anak-anak.



■ Jadi sumber contoh dan teladan kepada anak-anak

Pepatah menyebut *Bapa borek anak rintik, Di mana tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi dan Bagaimana acuan begitulah kuihnya*. Contoh teladan ini sangat penting dalam proses pembentukan watak anak-anak kerana anak-anak tidak tiba-tiba membesar tanpa titik mula. Mereka juga tidak mungkin lahir cemerlang tanpa rangsangan dan dukungan orang tuanya.

■ Mendekati anak bermasalah

Sejak dari awal lagi proses mengenal pasti kerenah anak-anak perlu dilakukan oleh ibu bapa. Ia perlu dipantau sedari awal lagi. Apabila wujud keganjilan kepada tingkah laku anak-anak, segera kenal pasti punca bagi mencari jalan mengatasi. Menangani anak bermasalah tidaklah mudah. Temui kaunselor dapatkan khidmat nasihat sekiranya anda tidak berupaya menyelesaikan masalah anak itu.

■ Mendekati yang berpotensi

Setiap ibu bapa harus yakin bahawa setiap anak-anak yang dilahirkan mempunyai potensi. Ibu bapa harus kreatif mengenal pasti potensi ini. Sediakan suasana kondusif supaya potensi itu berkembang. Minat dan bakat ini yang tidak menyalahi syarak patut disuburkan. Anak-anak akan menjadi orang yang paling berbakat dalam hidup ini sekiranya kedua ibu bapa meraikan bakat dan minat mereka supaya anak-anak bakal dewasa dengan bakat yang Allah SWT anugerahkan.